

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG
KAWASAN : ALOR GAJAH
TARIKH : 14.3.2013 (SELASA)
NO. SOALAN : 9

YB DATUK KOH NAI KWONG minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah yang dijalankan oleh Kementerian untuk memperluaskan pasaran tempatan terhadap kenderaan "energy efficient vehicle" atau EEV dan Hybrid di Malaysia memandangkan permintaan terhadap kenderaan mesra alam sekitar masih lagi berkurangan.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014, Kerajaan telah menggariskan beberapa langkah bagi menggalakkan pengeluaran dan pemasangan kenderaan bertenaga efisien (EEV) termasuk elektrik dan hibrid, seperti:

- (i) pengeluaran Lesen Pengilang baharu bagi kenderaan dalam kategori EEV bagi semua segmen kenderaan tanpa sebarang sekatan kapasiti enjin atau harga atas jalan;

- (ii) pemberian insentif *customised* bagi menarik lagi pelaburan strategik dalam kategori kenderaan EEV dan pengeluaran komponen bernilai tambah tinggi dan kritikal bagi menyokong kenderaan EEV; dan
- (iii) pemberian insentif *customised* bagi membangunkan sektor strategik supaya ekosistem automotif dapat dipertingkatkan. Antara sektor strategik adalah enjin, transmisi dan sistem kawalan, set dai dan acuan (*die and mould*), acuan aluminium dan *non-ferrous*.

Di samping itu, Kerajaan juga menawarkan insentif cukai untuk menggalakkan rakyat Malaysia beralih kepada kenderaan-kenderaan EEV termasuk kenderaan elektrik dan hibrid melalui pemberian pengecualian duti import dan eksais.

Selain dari langkah-langkah yang dilaksanakan Kerajaan, syarikat pengeluar kenderaan turut mula mengadakan promosi kenderaan elektrik melalui program dan inisiatif seperti:

- (i) Program perkhidmatan perkongsian kenderaan elektrik yang diperkenalkan oleh *Cohesive Mobility Solution (COMOS)*, bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pihak awam mengenai keistimewaan kenderaan elektrik.
- (ii) Pembinaan stesen pengecas bagi kenderaan elektrik di sekitar Lembah Klang yang diselaraskan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA).

Langkah-langkah ini dijangka dapat menggalakkan permintaan terhadap kenderaan EEV dan ini seterusnya membantu Kerajaan mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebagai hab pengeluaran kenderaan EEV menjelang tahun 2020.